

26 DEC 2001

KDN PANGGIL PENGURUSAN AKHBAR THE SUN

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri hari ini memanggil pengurusan akhbar The Sun berhubung laporan berita yang disiarkan semalam kononnya ada percubaan untuk membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketua Setiausaha kementerian itu Datuk Seri Aseh Che Mat ketika dihubungi mengesahkan bahawa Ketua Pengarang Berita The Sun, Robert Ho telah menemui pegawai dari Bahagian Penerbitan KDN di pejabat bahagian itu di Putrajaya.

"Kita memanggilnya untuk tujuan mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak akhbar itu.

"Lain-lain biarkan Pak Lah (Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Abdullah) beri kenyataan," katanya yang enggan mengulas lanjut.

Laporan muka depan akhbar tabloid berbahasa Inggeris itu semalam memetik sumber yang tidak dinamakan sebagai berkata bahawa polis telah membongkar satu komplot oleh beberapa orang ahli politik tempatan untuk membunuh kedua-dua pemimpin berkenaan dengan menggunakan pembunuh upahan.

Dr Mahathir hari ini melahirkan rasa dukacitanya terhadap tindakan akhbar berkenaan menyiarkan berita itu kerana katanya laporan sensasi seumpama itu, yang beliau sendiri tidak mendapat sebarang maklumat, akan mempunyai kesan terhadap ekonomi negara.

-- BERNAMA

RZS MFJ RON